

Surat khabar: Harian Metro (Setempat)

Hari/Tarikh: 2/9/2013

Muka surat: 15

Tajuk : Pelajar Semenanjung Selamat Datang Ke UNIMAS.

## Pelajar Semenanjung selamat datang ke UNIMAS



**BUJANG  
SENGANG**

**Rudy Fazrunisyam**

Seramai 38,549 pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Matrikulasi/ Asasi terpilih melanjutkan pengajian tinggi peringkat ijazah pertama mendaftar di 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara bermula hari ini hingga esok.

Daripada jumlah itu, seramai 21,959 membabitkan pelajar aliran sains dan 16,590 adalah aliran sastera, dengan pecahan 13,177 pelajar lelaki, manakala 25,372 wanita.

Di Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima pelajar baru seramai 3,968 yang datang dari seluruh negara.

Sudah pasti kedatangan pelajar baru disambut meriah dengan universiti menyediakan pengangkutan khas daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) ke kampus UNIMAS yang terletak di Kota Samarahan. Malah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UNIMAS Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman teruja menyambut ketibaan pelajar baru di lapangan terbang seawal jam 8 pagi.

Penulis masih ingat sewaktu mendaftar sebagai pelajar baru bagi program Ijazah Sarjana Muda Fakulti Sains Sosial (Kajian Komunikasi) UNIMAS pada 2005 di kampus lama UNIMAS.

Walaupun pernah beberapa kali datang ke Kuching, saya tidak pernah sampai ke Kota Samarahan dan ketika

mendaftar, saya yang ditemani ayah merasakan perjalanan kira-kira 40 minit dari Kuching ke kampus dirasakan terlalu jauh dengan menempuh beberapa kawasan hutan yang ketika itu masih belum diteroka.

Sebaik tiba di kampus, saya mendapati suasana berbeza dengan IPTA lain dan mempunyai keunikannya tersendiri. Kawasanya yang kecil menyebabkan hubungan antara pelajar erat dan saling mengenali, walaupun berbeza fakulti.

Saya tinggal dalam bilik yang turut dihuni pelajar dari Sabah, Miri dan Perak. Pada mulanya, sukar memahami bahasa masyarakat Melayu Sarawak digunakan kebanyakan pelajar tempatan, tetapi dalam tempoh sebulan sudah mampu menguasai dialek ini dengan baik.

Sebagai pelajar dari Semenanjung, tidak semua boleh pulang ke kampung mengikut kehendak hati kerana terpaksa menanggung kos tiket kapal terbang yang agak mahal ketika itu.

Selepas dua tahun meninggalkan UNIMAS, saya kembali semula ke Bumi Kenyalang untuk bertugas di negeri ini dan bangga melihat tempat saya mencari ilmu sebelum ini sudah banyak berubah.

Semua fakulti sudah beroperasi di kampus baru, bilangan pelajar bertambah, kemudahan lengkap, malah Kota Samarahan juga pesat membangun tidak seperti lima tahun lalu.

Kepada pelajar Semenanjung yang terpilih melanjutkan pengajian di sini, diucapkan selamat datang ke Sarawak, jauh perjalanan luas pandangan, banyak pengalaman.